

Penduduk di tebing sungai, kawasan rendah di Sarawak diminta berjaga-jaga

Air pasang besar diramal hari ini

Oleh ANGELINA SINYANG

utusanarawak@utusan.com.my

SIBU 2 Jan. - Penduduk yang tinggal berhampiran tebing sungai dan kawasan rendah di negeri ini dinasihatkan supaya berjaga-jaga dengan kemungkinan berlakunya banjir air pasang pada paras tertinggi iaitu 3.9 meter esok.

Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Bahagian Sibu, Ting Sing Kwong berkata, air pasang besar itu dijangka berlaku berikutan fenomena bulan penuh yang menyaksikan kedudukannya berada pada jarak paling dekat dengan bumi.

“Fenomena itu menyebabkan tarikan graviti bulan mempunyai kesan kuat terhadap paras air di bumi.

“Ini menyebabkan paras air pasang besar berada pada tahap 3.8 dan 3.9 meter untuk beberapa hari akan datang,” katanya di sini hari ini.

Sehubungan itu, Sing Kwong menasihatkan penduduk yang tinggal di kawasan rendah dan berdekatan tebing sungai supaya berjaga-jaga ketika berlaku air pasang yang disertai hujan lebat.

Beliau berkata, walaupun paras air belum mencecah paras bahaya, orang ramai tetap perlu berjaga-jaga sekiranya hujan lebat masih berterusan setiap hari.

Katanya, sejak beberapa hari lalu, kawasan tengah Sarawak termasuk semua bandar dan pekan di kawasan Batang Rajang menerima curahan hujan yang tinggi iaitu an-

tara 26 hingga 66 milimeter (mm).

“Jumlah ini agak tinggi dan jika hujan masih berterusan di semua kawasan, banjir akan berlaku,” katanya.

Sing Kwong berkata, setakat ini, daerah Kapit mencatatkan jumlah hujan tertinggi iaitu 66mm, diikuti Song (56mm), Kanowit (49mm), Sibu (43) dan Belaga (40mm).